Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu 1:2 (2010) 39 - 59

Pembinaan Jati Diri Kesusasteraan *Mahua*: Gagasan dan Perbahasan

CHONG FAH HING

MUKADIMAH

Sebagai salah satu cabang kesusasteraan gejala baru pada era pasca kolonial, pembinaan jati diri kesusasteraan *Mahua* pada dasarnya banyak dipengaruhi faktor dari negara China, selain kolonialisme Barat dan mekanisme nasional selepas negara ini mencapai kemerdekaan. Dalam jangka masa yang agak panjang itu, dengan pembinaan jati diri budaya *Mahua* belum begitu ketara, persoalan bahasa dan genealogi budaya sememangnya telah menjadi isu yang perlu ditangani dalam proses penafsiran diri itu.

Berdepan dengan pelbagai usaha penyepaduan pihak berfahaman Cina raya, pengkritik sastera *Mahua* dalam gelora nasionalisme China dan gerakan berhaluan kiri yang telah begitu memuncak dari sebelum Perang Dunia II lagi itu terus-menerus menyuguhkan semboyan sastera Nanyang (南洋文艺), sastera Malaya (马来亚文艺), penulis setempat (地方作家) dan sebagainya. Pada tahap yang tertentu itu sudah membayangkan kesedaran sastera *Mahua* dalam pembinaan keperibadian dan jati dirinya. Selaras dengan perubahan suasana politik sekali gus perubahan pernyataan kesetiaan politik dari negara China ke negara pemastautin yang baru bagi orang Cina menjelang zaman pasca perang, sastera *Mahua* semakin ketara menampakkan komitmennya dalam penerokaan dan pembinaan jati dirinya. Sehubungan itu, pengkritik sastera *Mahua* mula menyedari bahawa dalam merealisasikan matlamat tadi, usaha yang harus diselesaikan terlebih dahulu ialah menangani dan menjelaskan sebaik-baiknya hubungan antara sastera *Mahua* dengan sastera Cina daratan. Lantaran itu, dalam pembinaan jati diri sastera *Mahua* pada zaman pasca perang itu, kita dapati pengkritik dan sejarawan sastera itu telah menyuguhkan pelbagai pendapat dan persepsi mereka untuk mencari sempadan bagi memungkinkan pemisahan dan pembezaan antara sastera *Mahua* dan sastera Cina daratan.[1] Seca umum, respon dari pengkritik dan sejarawan sastera *Mahua* kepada faktor China itu boleh diteliti daripada tiga segi seperti yang akan dihuraikan seterusnya.

DARI PERUBAHAN PERNYATAAN KESETIAAN POLITIK KE WACANA KESEDARAN LOKAL

Dalam buku sejarah sastera Mahua oleh Fang Xiu, walaupun istilah kesedaran lokal tidak begitu ditonjolkan, tetapi setelah meneliti pendekatan sejarah sastera

beliau yang berpegang kepada anutan realisme, tidaklah sukar untuk dijangka sikap beliau terhadap gagasan tadi. Bagi beliau, karya yang dihasilkan tidak kira sama ada yang berlatar-belakangkan daratan China atau Malaya tidak menjadi masalah. Yang penting bagi beliau adalah menangani permasalahan dalam realiti hidup. Sebetulnya sikap Fang Xiu yang dianggap sebagai "realisme kiri anti kolonialisme" (Lin Jian Guo 2000: 69) itu selaras dengan perjuangan gagasan "sastera yang bersifat realis" seperti yang dicanangkan *Wenxue yanjiuhui* (Persatuan Penyelidikan Sastera) pada tahun-tahun awal tercetusnya Gerakan Sastera Baru 4 Mei serta gagasan sastera proletar-revolusi yang dipelopori *Chuangzao she* (Persatuan Pencipta) pada penghujung tahun 1920-an di China. Dengan latar belakang inilah, sastera *Mahua* yang berbahasa vernakular pada zaman sastera gejala baru haluan kiri (yakni antara tahun 1927 hingga 1931) itu telah muncul dorongan untuk menghasilkan karya untuk membawa warna *Nanyang* serta gagasan berorientasikan Malaya, sastera lokal serta gagasan penulis setempat menjelang pertengahan 1930-an sehingga polemik keunikan Mahua kesusasteraan *Mahua* (文艺独特性论争) pasca perang yang telah diberi tempat yang wajar dalam kerangka sejarah sastera Fang Xiu. Penulisan sejarah sastera Fang Xiu itu bukan sahaja membolehkan kajian kesusasteraan *Mahua* menjadi kenyataan, malah telah meletakkan asas bagi pembinaan jati diri kesusasteraan *Mahua* dari segi penerokaan teoritis yang lebih meyakinkan di samping pengisian intelektual yang lebih berbobot.[2]

Sebagai istilah yang sudah mantap, istilah kesedaran lokal (本地意识) telah julung-julung kali dikemukakan Yang Songnian. Dalam proses meneliti sejarah sastera *Mahua* itu, beliau mendapati tulisan yang sedia ada itu tidak sepenuhnya berganding dengan pergolakan sosial semasa, selain tidak menepati pandangan beliau yang menganggap sejarah sastera adalah komponen yang terangkum dalam lingkungan sejarah kebudayaan manusia yang lebih besar bagi sebuah negara atau daerah (Yang Songnian 2000: iii). Ketidak-setujuannya terhadap tradisi sejarah sastera selama ini jelas terpapar dalam ungkapan berikut:

> Selama ini saya kurang puas hati dengan pemeringkatan sejarah sastera yang berdasarkan pendekatan pasang-surut. Model lama seringkali menganggap peringkat awal sebagai tahap percambahan, peringkat pertengahan sebagai tahap memuncak, peringkat pasca pertengahan sebagai titik penyimpangan, dan peringkat akhir sebagai tahap surut. Pendekatan sedemikian amat dipengaruhi oleh wacana perkembangan yang berpaksi pada formula permulaan, kesinambungan, penyimpangan dan penyebatian (qi, cheng, zhuan, he 启承转合). Tetapi, perkembangan sesuatu perkara itu tidak selalunya menuju ke kemuncaknya pada peringkat awal dan surut pada akhir. Corak perkembangan itu juga bukanlah berpilin semata-mata, ataupun berbentuk bulatan sahaja. Justeru itu, pemeringkatan yang berdasarkan model pasang surut gelombang perkembangan sejarah sastera sudah jelas membawa kelemahannya. (2000: 16)

Jelasnya, hujah beliau itu ditujukan kepada pendekatan yang diamalkan Fang Xiu. Pada amnya, dakwaan Yang Songnian itu selaras dengan kritikan Zhang Jinzhong bahawa pendekatan yang berkenaan itu mirip kepada gagasan

sejarah yang bersifat biologi atau mekanisme tumbesaran suatu hidupan. (2003: 52). Bagi pemeringkatan yang telah dibuat pengkaji lain, misalnya Meng Sha, kritikan Yang Songnian itu nampaknya lebih berkesan:

> Tatkala kita melakukan pemeringkatan sejarah perkembangan sastera Mahua, harus kita ingat bahawa gangguan kita terhadap kesinambungan organik suatu aliran sastera itu adalah dalam keadaan yang terdesak memandangkan tiada alternatif lain yang lebih baik. Tujuannya ialah untuk memudahkan penjelasan sesuatu permasalahan. Justeru itu, kita harus berhati-hati dalam menangani pendekatan dan prinsip pemeringkatan sejarah sastera. Dalam konteks ini, kita tidak wajar menggunakan dua kriteria yang berbeza, yakni kadang kala menggunakan pasang surut perkembangan sebagai kayu ukur dan kadang kala pula menerapkan ciri-ciri suatu tahap, umpamanya gerakan sastera gejala baru Nanyang (南洋新兴文学运动), sastera perang pembelaan diri (抗战文学), zaman darurat, anti budaya kuning (反黄运动) dan sebagainya sebagai kriteria. Cara sedemikian tentunya akan membawa kecelaruan kepada pengkategorian dan pemeringkatannya. (2000: 15) [3]

Adalah nyata bahawa Yang Songnian telah membina konsep sejarah sasteranya itu berdasarkan renungannya ke atas cara pengkaji yang terdahulu dalam menangani perkembangan sastera itu. Hasilnya ialah beliau cuba memanfaatkan pasang surut kesedaran lokal sastera *Mahua* di Malaya dan Singapura sebagai kriteria pemeringkatannya (2000: 16). Ternyata beliau cuba memanfaatkan pendekatan tematik dalam pembangunan konsep baru sejarah sastera *Mahua.* Walaupun pendekatan beliau itu agak membelakangi unsur kesasasteraan (literariness) dan lebih terarah kepada disiplin sains kemasyarakatan, selain perspektif belain itu agak terbatas kalau berbanding dengan usaha pensejarahan Fang Xiu tadi. Namun, dalam konteks penulisan sejarah sastera *Mahua*, usaha Yang Songnian itu tetap jangkauan yang menjanjikan hasil, maka boleh dianggap telah membawa inovasi yang bermakna. Pada hakikatnya, Yang Songnian melihat kewujudan dan perkembangan kesedaran setempat sebagai pengaruh mutlak daripada pergolakan di daratan China. Dengan kata lain, sentimen China Rayalah yang menjadi pencetus kepada kelahiran kesedaran lokal. Kaedah yang digunakan Yang Songnian itu telah melalui penelitiannya ke atas proses konflik dan persepaduan antara kesedaran lokal (冲突与整合) dan sentimen Cina Raya (大中国), dan akhirnya telah membawa kepada wujudnya gagasan dualisme dalam sastera *Mahua.* Menerusi proses inilah pendekatan dan pemahaman Yang Songnian terhadap pembentukan subjektiviti sastera *Mahua* itu telah menjadi semakin terserlah. Pendekatan beliau itu telah membawa logika yang tertentu. Kekurangan teori beliau ialah pemahaman yang agak ringkas dan sederhana. Selain gagasan penentu yang tidak ada kaitan langsung dengan unsur sastera selain membataskan ruang cakupan kesedaran lokal pada bahan pengolahan dan latar lokal, cara beliau itu tidak memungkinkan kita menyaksikan ciri-ciri autonomi sastera *Mahua*. Misalnya, keterikatan Yang Songnian kepada wacana konflik dan persepaduan itu seolah-olah telah menganjurkan punca konflik, malah perpecahan itu sendiri

boleh dikesampingkan begitu sahaja. Dalam menghadapi proses sejarah itu, beliau tidak dapat juga menjelaskan konteks itu dengan berkesan, terutamanya kesan dan pengaruh kuasa penulis haluan kiri ke atas sastera *Mahua* pada era pasca perang. Pewarnaan ideologi dan konflik kuasa dalam polemik tentang keunikan sastera *Mahua,* Gerakan Anti Budaya Kuning (反黄运动) dan Sastera Patriotis (爱国文学) pada zaman pasca perang adalah contoh yang cukup nyata.

Konsep sejarah sastera Yang Songnian itu telah diwarisi seorang anak muridnya dari China, bernama Zhu Chongke. Zhu cuba melebarkan ruang cakupannya dengan mengemukakan isu persoalan lokal. Kita memang tidak menafikan matlamat Zhu untuk membawa motif tertentu yang mungkin berkecenderung memihak (*bias*). Dengan penguasaan bahasa yang baik, Zhu menyanjung baik konsep sejarah sastera gurunya. Pada persepsinya, "Faktor lokal adalah gagasan secara relatifnya terbuka dan bersifat mengalir/berubah-ubah. Di dalamnya penuh dengan dialektika antara menjauhi pusat dan mengarah ke pusat (2004b). Di bawah konsep mengalir itu, beliau menggabungkan ciri lokal dengan ciri imigran, selain dengan lincah memasukkan semula ciri kecinaan ke dalam lingkungan cakupan sastera *Mahua*:

> Yang harus difahami ialah memilih untuk menulis dalam bahasa Cina, sebenarnya bermaksud belitan yang berpanjangan dan berkekalan dengan ciri kecinaan, sementara menolak ciri kecinaan telah mengarah kepada batas wacana kuasa dan sebahagian ideologi China yang terkandung dalam aksara Cina itu sendiri. (2004a)

> Bagi sastera di rantau Asia Tenggara, ciri kecinaan secara mutlaknya adalah roh yang tidak boleh disingkirkan. Ia selamanya bergayut pada angkasa raya sastera Cina di rantau ini, sama ada tulisan dan aksaranya, ataupun kebudayaannya. Tanpa disedari, ciri kecinaan itu sudah berselindung di sebaliknya. (2004b)

Nyatalah bahawa Zhu melihat konsep konflik dan persepaduan gurunya itu sebagai kejadian yang hakiki. Walau bagaimanapun, yang menjadi fokus perhatian kami ialah cubaan beliau untuk menemukan asas yang sahih bagi menerapkan ciri kecinaan (中国性) ke dalam ciri-ciri lokal. Menurut penjelasan Zhu, "ciri kecinaan itu adalah gagasan yang bersifat majmuk. Daerah yang berlainan boleh menerapkan ciri kecinaan yang berlainan pula…… Sastera Cina serantau boleh sahaja membangunkan ciri kecinaan yang tersendiri untuk memperkembangkan dan memperkayakan isian ciri Cina Raya. Pada hemat saya, cara sastera Cina serantau mengendalikan ciri kecinaan itu juga adalah mekanisme yang bersifat dialektika. Di satu pihak, ia perlu kembali untuk menggali dengan sebanyak mungkin khazanah daripada ciri kecinaan budaya leluhur. Tidak kira apapun, pemendapan dan pengumpulan modal budaya itu akan memakan masa beribu-ribu tahun, selain hakikatnya bahawa kekayaan, kebesaran, kehalusan dan kedalaman tamadunnya adalah akar bagi semua sastera Cina serantau, dan sekali gus menjadi sumber pinjaman yang penting. Sama ada ia adalah rumah asal bagi sekalian rohnya, mahupun pengTionghuaan semula (*re-sinification*), kita terpaksa menguasai tahap ciri kecinaan yang tertentu,

barulah memungkinkan kita memulakan penciptaan" (2004b). Dari sini, kita dapati Zhu cuba memperalatkan syarat kreativiti sastera untuk melindungi agenda sentimen China Rayanya. David Der-wei Wang, dari Harvard University turut berpendapat bahawa Zhu "terlalu prihatin untuk mengambil hati semua pihak……usahanya memasuki teks kesusasteraan *Mahua* tempatan perlu dimulakan……kerana gejala yang terpapar melalui karya, pengarang dan dunia sasteranya itu tidak boleh dirangkumi dan difahami menerusi satu atau dua hujah semata-mata. Kita memerlukan lebih banyak contoh kajian kes yang konkrit." (Zhu Chongke 2004a: iii). Ini menjelaskan hujah Zhu yang didapati kurang mantap, selain ia adalah andaian yang belum teruji. Kritikan ini dianggap bertepatan pada masanya kerana sehingga kini kita belum lagi menemui hasil kajiannya ke atas tiga tafsiran yang dikemukakannya terhadap ciri-ciri lokal, yakni warna lokal, wacana lokal dan perspektif lokal [4] Berbanding dengan usaha gigih Yang Songnian yans sudah mencurahkan tenaganya selama berpuluh-puluh tahun dalam mencari dan mentafsir sumber dan dokumen sejarah, hujah Zhu dalam topik ciri lokal itu tidak menampakkan keikhlasannya berbanding dengan asas yang diletakkan Yang Songnian.

LOKALITI, TRADISI DUALISME DAN WACANA KEPELBAGAIAN PUSAT

Selepas Yang Songnian kemukakan hujah tentang asal-usul dan pertalian sejarah, Wang Runhua pula menyuguhkan gagasan berkembar tradisi dualisme-kepelbagaian pusat sastera (多元中心). Menerusi gagasan itu, Wang juga menarik rumusan kepada ciri lokal. Pada hakikatnya, gagasan tradisi dualisme itu telah dikemukakan Zhou Cezong dari University of Wisconsin-Madison pada tahun 1988. Umumnya, idea ini diilhamkan dari Kesusasteraan Inggeris Negara-Negara Komanwel (*Commonwealth Literature in English*) dengan Wang Runhua cuba mengaplikasikannya ke dalam kajiannya ke atas sastera *Mahua.* Namun, matlamat akhirnya adalah mengarah kepada pembentukan Sastera Cina Sedunia Humanisme Sejagat (世界华文文学的大同世界). Pada tahun 1988, Singapore Writers Association bersama Goethe Institute of Singapore telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Kesejagatan Sastera Cina Sedunia II. Persidangan ini buat julung-julung kalinya telah menjadikan sastera Cina Asia Tenggara itu sebagai topik kajiannya. Gagasan untuk menjadikan sastera Cina serantau sebagai fokus perbincangan itu telah mengubah tradisi yang selama ini sudah terbiasa dengan model pusat-pinggiran ketika mengendalikan hubungan antara sastera Cina daratan dengan sastera Cina seberang laut. Ini turut menafikan sastera Cina seberang laut sebagai satu aliran sastera yang mempunyai cirinya yang tersendiri. Namun, realiti sastera Cina daratan sebagai akar tradisi dalam konteks ini sastera klasiknya, bagi sastera Cina seberang laut memang tidak dapat dinafikan. Dengan kata lain, berbanding dengan sastera

Cina daratan sebagai sebuah tradisi besar, sejauh mana sastera Cina serantau itu mempunyai autonominya yang tersendiri masih menjadi tanda tanya. Kita sedia maklum bahawa gagasan berkembar itu, iaitu tradisi dualisme-kepelbagaian pusat sastera, adalah yang terlahir dalam konteks sedemikian, lantaran tidak mungkin terelak dari cubaan penyepaduan dan serapan di pihak Cina Raya. Meneliti tafsiran Wang Runhua itu yang menjadi satu cabang sastera di rantau Asia Tenggara, subjektiviti sastera *Mahua* yang seharusnya bersifat dualisme itu mengingkari hakikat tersebut, nescaya ia tidak dapat berkembang dengan baik:

> Di daratan Cina sendiri, sejak zaman pra Qin lagi sudah wujud tradisi sastera yang besar dan sempurna. Sastera Cina Asia Tenggara seharusnya tidak membelakangi tradisi sastera Cina daratan yang sudah berkembang sejak zaman pra Qin lagi. Tanpa akar tradisi sastera berkenaan itu, sastera Cina di Asia Tenggara dan lain-lain daerah tidak dapat berkembang dengan baik. Namun, ia tidak akan berbuah kalau hanya bersandar pada punca itu semata-mata. Kebanyakan orang Cina seberang laut yang bermastautin di luar daratan Cina itu mempunyai tanah pertiwi masing-masing dan membawa warga lokal, adat resam, kebiasaan hidup, kebudayaan dan sejarahnya yang tersendiri. Tatkala pengarang di daerah yang berkenaan itu menggauli pengalaman hidup dan lain-lain tradisi sastera tempatan dalam karya masing-masing, akan muncullah sebuah tradisi sastera yang bersifat peribumi-setempat (*native literary tradition*). Pada pengamatan saya, sastera Cina di Singapura dan rantau Asia Tenggara pada keseluruhannya sudah menggauli tradisi sastera Cina daratan dengan tradisi sastera peribumi-setempat, dan kini sudah berada dalam proses perkembangan yang rancak. (1990: 45-46)

Memperkatakan tradisi dualisme itu sudah semestinya menyentuh ciri dan tradisi lokal. Berbeza dengan identifikasi lokal yang dikemukakan Yang Songnian, ciri lokal yang dikemukakan Yang Runhua itu lebih mendekati landasan sejarah. Namun, tidak dinafikan ia telah membawa warna nasionalisme yang ketara. Demikianlah Wang mengisahkan proses pembentukan gagasannya:

> Benih dari daerah lain ditaburkan pada bumi terasing, maka setiap benih yang menujah akarnya akan terpengaruh dengan tanah tanih dan cuaca yang dialaminya. Justeru itu, faktor-faktor sosial di Singapura yang bertindak ke atas percambahan dan pertumbuhan sastera Cina pada ketika itu sewajarnya dilihat sebagai komponen pembentukan negara Singapura. Dengan demikian barulah dapat kita mengenal-pasti hala tuju perkembangannya dengan tepat dan jitu, dan seterusnya dapat menangani semangat dan isian jiwanya (1998: 3)

Sungguhpun demikian, gagasan Wang Runhua itu tidak dapat diaplikasikan dalam konteks sastera *Mahua*, khususnya pada zaman pasca merdeka, memandangkan ia terdapat percanggahan yang cukup ketara antara memori sejarah masyarakat Cina Malaysia dengan memori sejarah pihak pemerintah dan etnik majoriti, iaitu kaum Melayu. Pembangunan ciri lokal Wang itu merangkumi nilai nasionalisme yang diwarisi secara langsung daripada institusi kolonial masa lampau, manakala ciri lokal sastera *Mahua* itu lebih ketara berisikan ciri marhaen dan memori massa.

Persoalan lain ialah: bagaimana pula menangani hubungan kuasa antara pelbagai pusat sastera tadi? Berbanding dengan tradisi sastera Cina daratan, sejauh mana tradisi sastera lokal itu mempunyai kuasa autonominya selain mampu membuat keputusan atas perkara yang menyabit kepentingan dirinya? Semua permasalahan itu menuntut penyelesaian dengan sebaik-baiknya. Kita nampak Wang Runhua seolah-olah mula menyedari hakikat ini. Selepas tahun 2000, beliau mula menangani persoalan yang berhubung dengan pengaruh sastera Cina daratan ke atas sastera *Mahua* antara tahun 1930-an sehingga tahun-tahun awal pasca perang. Dalam makalah beliau berjudul Lu Xun dan Sastera Cina Pasca Kolonial di Malaya dan Singapura (鲁迅与新马后殖民文学), beliau mula menyelongkar dan mengkaji semula kesan nasionalisme China dan sentimen Cina Raya yang dibawa masuk bersama karya Lu Xun ke Malaya dalam jangka masa berkenaan. Akhirnya, beliau merumuskan, autentisiti yang berasal dari pusat yang menghalang pengarang tempatan itu cuba mencari bahan pengolahan baru dan bentuk baru. Justeru itu, ramai pengarang seolah-olah dipaksa menggarap pengalaman hidup yang jauh terpisah dengan realiti penjajahan di Malaya dan Singapura. (2001b: 67) Tambahnya "selain penulis haluan kiri dan Parti Komunis Malaya, golongan Cina yang menentang penjajahan Jepun dan berorientasikan China telah sedaya upaya mengukir dan membangunkan imej Lu Xun. Antaranya, ada yang berkhidmat untuk fahaman berhaluan kiri, ada yang membawa tujuan anti-Jepun, dan ada juga bertolak daripada semangat menyintai negara China. Akhirnya, Lu Xun menjadi lambang kebudayaan Cina dan negara China. Tiada sesiapa mampu menolak Lu Xun, kerana Lu Xun mewakili kuasa simbolik China di Malaya dan Singapura pada ketika itu (2001b: 71). Secara tak langsung, hujah Wang itu menggambarkan betapa sukarnya penerapan ciri lokal dalam proses pembangunan sastera *Mahua.* Namun, tidak dapat dinafikan bahawa ciri local dalam sastera *Mahua* yang dibangunkan dengan begitu payah sekali selama ini mungkin runtuh dan berkubur dengan kehadiran semula tradisi Cina Raya tadi. Namun, gejala itu dilihat Zhu Chongke sebagai usaha penjajahan dalaman. Bagi Zhu, berlakunya gejala penjajahan dalaman adalah kerana segelintir penulis-budayawan *Mahua* itu cuba memanfaatkan pemikiran dan budaya dominan dari China untuk melaksanakan tujuan penjajahan mereka ke atas musuhnya di kalangan *Mahua* sendiri (2004: 258). Walaupun Zhu cuba memutar-belit dan mereka fakta palsu, terutamanya tentang latar belakang penulis-budayawan *Mahua* yang didakwanya tidak disertakan dengan nama yang sebenaer. Apapun, hakikatnya ialah gejala itu telah menampakkan kesukaran yang mungkin dihadapi sastera *Mahua* dalam proses menuju ke matlamat pembinaan dan penyempurnaan jati diri yang mantap lagi utuh. Diselidiki dengan mendalam, fenomena ini melibatkan permasalahan penggunaan media pengucapan. Sebagai media pengucapan baru yang ditransformasi daripada *zhongwen* (中文) setelah ia tersebar ke seberang laut, apakah *huawen* (华文) masih mampu mempusakai satu tradisi besar yang bergelar "Sastera Cina Daratan"? Dengan kata lain, apakah sastera *Mahua* secara moralnya wajar memikul tanggungjawab berkenaan?

DARIPADA GAGASAN SASTERA DIASPORA KEPADA SASTERA CINA GEJALA BARU

Bagi Zhang Jinzhong, seorang sarjana dan pengkaji kesusasteraan *Mahua* generasi baru, jika kita berpegang kepada tanggapan subjektiviti *Mahua* itu bersandarkan perkembangan politik semasa dan acuan pembentukan negara, maka beliau akan cenderung melihatnya sebagai gagasan yang banyak bergantung pada perkembangan kapitalisme sejagat. Saranan beliau itu telah dianggap mempunyai hubungan rapat dengan gagasan ontologikal diaspora sastera *Mahua* seperti yang dikemukakan Zhang sendiri.

Sejak orang Cina berhijrah ke rantau Asia Tenggara secara besar-besaran pada pertengahan kurun ke-19, mulalah sastera Cina daratan mengalami proses sebarannya di rantau ini. Setelah tercetusnya revolusi tahun 1911, pergolakan suasana politik di China telah merancakkan lagi penghijrahan kaum intelek dan cendekiawan Cina ke rantau Nanyang, sekali gus membawa dampak yang cukup ketara ke atas hasil budaya di rantau ini. Dalam sejarah China moden, terdapat beberapa gelombang migrasi besar-besaran yang berkait rapat dengan nasib kaum intelek dan cendekiawan Cina. Pertamanya, penganiayaan yang dilakukan Parti Kuomintang ke atas kaum intelek/cendekiawan Cina pada hujung tahun 1920-an. Ketika ini, terdapat banyak penulis Cina melarikan diri ke Nanyang. Antaranya adalah Xu Jie, pengarang yang mempelopori gagasan Sastera Revolusi (革命文学) dalam ruangan sastera "Ku dao" (枯岛) akhbar *Yiqun Bao* (益群报). Dalam jangka masa Perang China-Jepun daripada tahun 1937 hinggalah perang saudara antara Parti Kuomintang dan Parti Komunis China, bertambah ramailah kaum intelek berhijrah ke rantau Nanyang. Antaranya adalah Yu Dafu, Zhang Chukun, Fu Wumen, Hu Yuzhi, Wang Renshu, Shen Zijiu, Yang Sao dan Zuo Ding. Kesemuanya penulis-budayawan Cina yang terkenal. Sesudah tamatnya Perang Dunia II, berlaku pula gerakan nasionalisme dan demokrasi di Asia serta kemenangan Parti Komunias China dalam perang saudara pada akhir dekad 1940-an. Ketika ini, pergerakan dan aliran kaum intelek Cina antara negara asal dan rantau Asia Tenggara semakin rancak. Sesetengahnya diusir pihak penjajah, sesetengah pula pulang ke Tanah Besar China untuk menyumbang tenaga mereka kepada regim China yang baru ditubuhkan itu. Tidak kurang pula ada penulis enggan bernaung di bawah payung Parti Komunis China, maka telah berhijrah ke Nanyang dan menumpang di Singapura dan Malaya. Dalam simpang siur sejarah ini, perpindahan kaum intelek itu telah memberi dampak ketara ke atas penghasilan sastera dan budaya di Singapura dan Malaya. Pengkaji ini berpendapat fenomena sedemikian itu telah membentuk ciri pengaliran-diaspora pada sastera *Mahua* kemudian hari.

Sehingga tahap ini, jelaslah kepada kita bahawa di kalangan sarjana/ pengkaji itu, ada dua jenis pandangan yang bercanggahan tentang jati diri dan subjektiviti *Mahua*. Di satu pihak, terdapat penulis yang amat mengutamakan asal-usul sastera dan pertaliannya dengan sejarah, dengan diwakili Fang Xiu

dan Yang Songnian. Di satu pihak yang lain ialah terdapat wacana diaspora yang terbit dalam konteks sistem ekonomi komoditi kapitalis sejak kurun ke-19 hingga penghujung zaman kapitalisme masa kini. Dari segi pendekatan pula, pihak yang terdahulu itu telah mengamalkan prinsip perkembangan linear menurun, sementara pihak yang kedua itu pula seolah-olah menyisihkan unsur Cina itu sebenarnya selari dengan wacana diaspora-*homeland* yang digembar-gemburkan sarjana daratan China. Ringkasnya, pihak pertama itu telah menegaskan pentingnya menyusur akar,[5] sementara pihak yang kedua itu langsung tidak menyentuh keperluan itu. Had yang paling besar diizinkan hanyalah setakat daya sentuhan setempat (Zhang Jinzhong 2003: 46). Dan mereka semudahnya dapat menerima dan menceduk teori diaspora daripada bidang sains sosial yang sememangnya dimesrai kaum orientalis untuk kepentingan diri mereka. Wujudnya penyimpangan sedemikian itu adalah kerana golongan yang kedua itu telah membawa dua identiti berbanding dengan golongan yang pertama. Ringkasnya, mereka itu terlibat sebagai pengkritik dan pada masa yang sama sebagai penulis, maka tidak hairanlah mereka cenderung untuk menyempitkan makna "kontemporari". Justeru itu, menurut tafsiran mereka, "apa yang diistilahkan sebagai 'kontemporari' itu merujuk kepada "kontempori untuk kontemporer", yakni kontemporari zaman terkini." (Huang Jinshu 1998b: 10) Keadaan ini mengingatkan betapa kita harus menghadapi permasalahan yang rumit dalam proses kajian pembangunan jati diri dan subjektiviti sastera *Mahua*.

Zhang Jinzhong mengisahkan permulaan sastera *Mahua* dari titik tolak migrasi kaum intelek Cina ke rantau Nanyang, dengan menegaskan perlakuan menjauhi sempadan negara leluhur sebagai konotasi lambang kesusasteraan Mahua. Bersandarkan hujah inilah beliau cuba menonjolkan asas kerangka teori bagi mengisahkan hakikat perubahan sastera *Mahua* ke sastera Cina gejala baru:

> Seandainya sastera daratan Cina tidak menjangkau dan menjauhi sempadan negaranya, maka tidak akan muncul sastera Mahua. Kalau Qiu Shuyuan tidak menjangkau sempadan, maka puisi lama Singapura akan kekurangan lebih seribu buah karya unggul. Seandainya Yu Dafu, Hu Yuzhi tidak meninggalkan sempadan negara, maka tiadalah koleksi karya seberang laut. Mereka tidak lebih sekadar sasterawan Cina moden saja. Sesudah mereka menjauhi sempadan negara, barulah muncul khazanah sastera yang sukar dikategori. Apa yang menarik perhatian ialah menjauhi sempadan bukanlah suatu gejala yang statik dan beku, sebaliknya ia sentiasa dalam keadaan bergerak. (2003: 43)

Apakah hujah Zhang di atas itu berasas dan boleh dipertahankan? Kita sedia maklum bahawa rakyat Malaysia, dalam konteks intelek Cina, tidak dibenarkan berbincang tentang isu yang dianggap sensitif, misalnya isu keistimewaan hak orang Melayu kerana larangan dan tekanan pelbagai akta. Ironisnya, larangan itu telah membawa mereka kepada muhasabah dan perbincangan hangat tentang pembangunan kebudayaan diri. Gejala sedemikian itu tidak harus diambil mudah, lalu dianggap sebagai akur kepada jiwa diaspora.

Pada zaman kemerdekaan, keturunan Cina memanjangkan idaman dan harapan tinggi ke atas kampung halaman baru mereka, dan terlibat dengan giat dalam perbincangan tentang pembangunan kebudayaan Malaya. Misalnya, golongan pelajar dan pensyarah Universiti Nanyang pernah membahaskan isu itu melalui bahasa Cina, Melayu dan Inggeris yang mereka kuasai dan cintai. Sikap mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu ketika itu menonjolkan kecenderungan yang cukup positif lagi memberangsangkan. Dalam perkara pembangunan kurikulum, penerbitan majalah dwi-bahasa (bahasa Cina dan bahasa Melayu) serta sinergi dan pertemuan budaya kelihatan begitu kerap sekali (Zhuang Huaxing 2004b). Tetapi, pada akhir tahun 1960-an hingga awal 1970-an, jurang sosial yang semakin melebar dengan pakatan antara elit Melayu dan kapitalis Cina itu telah mengakibatkan politik perkauman semakin ketara. Kesegaran interaksi budaya yang terlihat di zaman kemerdekaan itu semakin lenyap, dan diambil alih semangat nasionalisme sempit serta apa yang digelar sebagai bumiputraisme (Rustam A. Sani 2004: 11). Ketika ini, tidak dinafikan terdapat segelintir orang Cina memilih untuk berhijrah ke negara ketiga. Kebanyakan mereka itu adalah dari kelas elit yang berpendidikan Inggeris dan juga peniaga-usahawan dan hanya sebilangan kecil yang berpendidikan Cina. Mereka yang menetap terus berusaha untuk mencari akar di bumi Malaysia, sementara memaparkan rasa obsesi yang mendalam terhadap kebudayaan *Mahua* disertai semangat bermuhasabah terhadap jati diri budaya *Mahua*. Gejala ini cukup ketara terutamanya mulai pertengahan tahun 1980-an hingga tahun 1990-an. Tempoh ini lazimnya dikenali sebagai kemuncak dalam era pemerintahan Mahathir Mohamad. Dilihat dari perspektif makro itu, pengisahan menerusi cerpen pengalaman pahit sejarah (伤痕小说) tentang memori kolektif komuniti *Mahua* turut menampilkan kesedaran, kecekalan dan komitmen kaum Cina terhadap penglibatan bersama dalam agenda pembangunan negara.

Ahli sains sosial berpendapat golongan Cina kelas menengah itu berkecenderungan untuk mengumpul pelbagai jenis modal dan menukar hartanah keluarga kepada modal yang boleh dimanipulasi, termasuk modal pendidikan, budaya, sosial agar ahli keluarga mereka dapat menikmati kehidupan dengan lebih baik dan selesa. (Bourdieu 1984 & 1986). Modal yang baru terkumpul itu lazimnya disediakan untuk perlakuan *transnational traversals* pada kemudian hari. Tetapi, perlakuan ini bertolak dari pengumpulan modal di dalam negara. Bagi keluarga Cina, fenomena menyediakan anak dengan pendidikan Cina dan seterusnya menghantar mereka ke institusi pengajian tinggi di negara yang menggunakan bahasa pengantar Cina itu telah juga menjelaskan saluran cara modal kebudayaan *Mahua* itu dijana dan terkumpul. Meneliti bidang budaya pula, gejala itu menampilkan pembauran antara ciri kecinaan dengan budaya peribumi tempatan. Bertolak dari perspektif ini, tidaklah tepat jika dikategorikan penulis *Mahua* dari kalangan penulis-graduat universiti di Taiwan sebagai kelompok penulis diaspora. Setelah ditelusuri pengalaman penulisan golongan itu, tidak sukar dikenal pasti nukilan jiwa mereka yang terkandung

dalam karya mereka: lokal/ciri-ciri setempat → transnasional/diaspora → lokal. Gerakan fizikal dalam kedua-dua tahap awal itu cuma yang bersifat lahiriah, maka tidak menggambarkan hakikatnya; sementara peralihan di kedua-dua tahap yang terakhir itu sudah memasuki peringkat mujarad, malahan mengarah kepada semacam gambaran kepulangan jiwa dan semangat. Karya yang terbaru daripada Li Yongping, Zhang Guixing, Pan Yutong, mendiang Shang Wanyun dan lain-lain itu menepati gambaran itu. Karya kebelakangan Zhang Guixing yang menggarap lukisan totem kaum peribumi di Pulau Borneo bukan sahaja menjangkau perspektifnya ke kampung asalnya di bumi Kenyalang itu, tetapi juga dari segi pengolahan bahasanya telah turut menggauli struktur dan sintaksis nahu peribumi. Sorotan dan penyelongkaran Zhang ke atas kesedaran kebudayaan dan kosmologi peribumi di Pulau Borneo itu amat menepati pernyataan Clifford Geertz tentang pengisahan mendalam. Dalam karya beliau, perspektif dan pandangan kaum peribumi terserlah di merata tempat.. Apakah tidak mungkin melalui karya seumpama ini novelis Zhang Guixing telah mengumumkan berakhirnya jiwa diasporiknya dan sekali gus bermulanya perkembalian sebuah puitika subjektiviti kesusasteraan *Mahua*? Memang benar, pada peringkat akhir di era kapitalisme, aliran modal dan penduduk serta jaringan/ sebaran maklumat yang semakin luas dan pantas itu suatu gejala yang lumrah, namun aliran dan pergerakan itu tidak semestinya boleh disamakan dengan gejala diaspora, apatah lagi di hujung aliran dan pergerakan itu barangkali adalah perkembalian. Karya yang dihasilkan Li Yongping selepas menjangkau usia lima puluh itu ternyata sudah berada di landasan perkembalian. Selain itu, beberapa buah novel terbaru daripada Zhang Guixing turut menampilkan tanda sedemikian.

Pada amnya, pengisahan Zhang Jinzhong tentang subjektiviti dan jati diri kesusasteraan *Mahua* itu cuma menepati sebahagian realiti itu. Ini berhubung rapat dengan rangka teori sastera Cina tentang gejala baru yang gigih dicanangkannya buat masa ini. Demikianlah dia jelaskan dalam makalahnya:

> Makalah ini (merujuk kepada Di Seberang Laut Ada Penjelmaan Diri, Atau Sastera Mahua Namanya: Ke Arah Konstruksi Sebuah Teori Sastera Cina Gejala Baru (海外存异己；或，马华文学：朝向一个新兴华　文文学理论的建立). bertujuan untuk mengemukakan hipotesis tentang sastera *Mahua* sebagai sastera Cina gejala baru pada tahun 1990-an. Ia menunjukkan beberapa fenomena dan sifatnya yang menepati kerangka sastera gejala baru dengan tujuan untuk membangunkan sebuah teori "Sastera Cina Gejala Baru" yang mampu mengisahkan sastera Cina yang berada di luar lingkungan sastera Cina daratan. Pada asasnya, masyarakat yang melahirkan sastera gejala baru itu kebanyakannya adalah bekas tanah jajahan, dan ini adalah asas yang boleh mengaitkan sastera gejala baru dengan wacana pasca kolonial. Faktor yang kedua ialah fenomena migrasi… Mengemukakan hipotesis sastera baru gejala baru itu bertujuan agar dapat melontarkan serba sedikit pandangan yang bersifat terkedepan sebagai dorongan untuk sastera *Mahua* di masa depan. Penggiat kesusasteraan *Mahua* sudah biasa dengan sikap pesimistik dan cenderung menjaga warisan yang sedia ada tanpa memikirkan cara untuk mengembangkannya. Pada hal pelbagai kemungkinan boleh berlaku pada masa akan

datang. Bahasa Cina, sastera Cina, kebudayaan Cina masih tertindas pada tahap yang berbeza di kebanyakan negara Asean pada zaman pasca perang. Walaupun nasibnya hari ini masih tidak menentu, tetapi kami yakin tenaga yang dibebaskan sedikit demi sedikit sudah cukup menjadi sumber tenaga kreatif yang boleh membawa dampaknya. Justeru, diutarakan gagasan sastera Cina gejala baru pada ketika ini adalahlah wajip dan menepati masanya. (Zhang Jinzhong 2003: 218, 220)

Dia cuba memanfaatkan sifat pengaliran dan transnasional yang ada pada gagasan sastera Cina gejala baru itu untuk menempatkan kedudukan sastera *Mahua* dari penulis-graduat Taiwan (ataupun dikenali sebagai "sastera *Mahua* di Taiwan") pada tahun 1990-an. Tujuan sedemikian adalah amat jelas. Setelah dirumus maksud Zhang, ia berbunyi: Ketiadaan pencapaian gemilang sastera *Mahua* di Taiwan pada tahun 1990-an itu maka tidak berupayalah sastera *Mahua* itu mengalami proses gejala baru. Jika benar dakwaan Zhang itu, maka subjektiviti dan jati diri sastera *Mahua* di Taiwan akan menjadi permasalahan baru. Makalah Jiang Shuzhen dalam Persidangan di Chiao Tung University, Taiwan, pada 8 dan 9-1-2005 jelas menyatakan "Ketika sastera Taiwan menyambung landasan dunia dan menjadi 'warga budaya global', sastera *Mahua* (bersama wacananya) itu boleh dikatakan sudah berubah menjadi alat pemandu jalan, selain bertindak sebagai pencari landasan bagi sastera Taiwan. 'Misi berperang' yang dipikulnya sebelum ini bolehlah diketepikan, dan melayarlah dengan sebebas-bebasnya dalam rangkaiannya sehubungan itu, termasuk *black hol*e sekalipun." (Jiang Shuzhen 2005). Kalau demikianlah natijahnya, nasib teori sastera Cina gejala baru itu tidak ubah seperti gagasan pelbagai pusat sastera anjuran Wang Runhua, yang akhirnya tetap terperangkap dalam hujah pusat/ tradisi besar-kecil juga. Usaha pembinaan subjektiviti itu akan menjadi semakin sukar kerana rasa liberalisasi diri (walaupun diiringi dengan pahit getir) yang didukung bersama fahaman terbuang diri (自我流放) dan menumpang di daerah asing (流寓), seperti yang ditegaskan dalam gagasan sastera penghijrah/ kerabat yang tercicir (移/遗民文学). Seandainya meletakkanya dalam konteks ini, ia kelihatan bukan untuk melahirkan sebarang makna, tetapi cenderung untuk memadamkan kejadian yang sedia wujud, dan melenyapkan istilah dasar, antaranya ciri kecinaan, ciri ketaiwanan dan sebagainya. (Jiang Shuzhen 2005)

Dilihat dari segi yang lain, kelebihan teori Zhang ialah beliau dapat memanfaatkan sumber dari disiplin antropologi dan ilmu sains sosial untuk mentafsir sastera *Mahua*. Pendekatan itu agak serasi dengan sifat dan tabii kajian sastera *Mahua* seperti yang dilakukan Fang Xiu dan Yang Songnian, yakni menyelongkar akhbar lama dan menerusi pengalaman pergaulan dengan penulis-budayawan *Mahua* dalam proses kajian masing-masing. Namun, tatkala memanfaatkan sumber teori yang berkaitan itu, maka tanpa disedari Zhang telah terperangkap dengan wacana diaspora China yang diutarakan orientalis Barat. "Di satu segi, mereka melanjutkan wacana dunia pertama yang digunakan dalam era Perang Dingin lalu cenderung memfokus ke atas ciri unik fahaman keturunan yang diwarisi dari nenek moyang orang Cina, lalu merumuskan 'Sekali

dilahirkan sebagai Cina, maka Cinalah selama-lamanya'. Kenyataan itu bukan sahaja telah dijadikan fakta yang konkrit, malah sah juga dari segi budaya dan seterusnya merangkumi pernyataan kesetiaan politik terhadap negara China. (Wang Ling-chi & Wang Gungwu ed. 1998: vii). Selain itu, terdapat sarjana lain telah menggunakan huraian yang tidak menyeluruh. Mereka cenderung untuk melihat pertembungan minoriti Cina dengan kaum peribumi sebagai proses yang bermula dengan konflik dan berakhir dengan asimilasi ataupun tertawan. Wacana yang menonjolkan asimilasi paksaan, penindasan etnik, konflik akibat perbezaan budaya dan seumpamanya itu memang telah dipelopori Robert Park, ahli sosiologi Amerika Syarikat. Sebagai wacana untuk pengisahan gejala diaspora Cina, kedua-dua hujah itu secara tuntasnya telah menafikan kedudukan orang Cina seberang laut sebagai orang yang mampu menzahirkan makna dan hasilnya adalah sebahagian khazanah budaya negara itu..

Sebagai suatu bentuk pengisahan disiplin sains sosial, kita sedar wacana diaspora sastera *Mahua* dan sastera Cina gejala baru itu bercanggah dengan pendapat sarjana sains sosial tempatan. Pada asalnya, kaum diaspora merujuk kepada perpindahan golongan yang berada sahaja. Misalnya, saudagar Yahudi yang tersebar dan menetap di serata benua Eropah dan Amerika Utara. Mereka memanfaatkan kedudukan ekonomi yang kukuh untuk mendirikan kohesif etnik yang kuat dan yang bersifat pemusatan diri. Menerusi kekuatan kekayaan itu, mereka cuba mewujudkan dominasi kekuasaan ke atas pihak lain.[6] Sebaliknya sejak dua ratus tahun lalu, peninggalan kampung halaman dan migrasi kaum Cina ke seberang laut itu bukan kerana desakan daripada bencana alam dan mala petaka yang dicetuskan manusia, tetapi disebabkan kemiskinan yang telah memaksa mereka sanggup menggadai nyawa mengharungi lautan ganas ke rantau orang lain. Selain itu, kebanyakan mereka itu adalah buta huruf. Setelah menetap di negara pemastautin baru, mereka dengan mudah menerima pengaruh alam persekitaran hidupnya. Seterusnya mulalah mereka melakukan penyesuaian dengan keadaan persekitaran yang baru. Kajian daripada sarjana jelas menunjukkan cara hidup, fikiran dan nilai orang Cina di pelbagai negara adalah tidak mungkin sama. Namun, kesetiaan mereka kepada bumi yang dipijak dan langit yang dijunjung itu sama. Berhubung dengan kemunculan perbincangan secara besar-besaran tentang kuasa dan pengaruh diaspora Cina di dunia akademik, pandangan dan peringatan Wang Gungwu adalah menarik untuk direnungi. Daripada hujahnya, dapat kita meninjau muslihat massa media dan pendapat sarjana Barat:

> Terma ini beserta konotasinya membawa pertimbangan politik yang tersendiri dan pihak-pihak tertentu cuba memperalatkannya. Kalau tafsirannya semata-mata untuk pengisahan dan digunakan dalam konteks yang lazim, ia tidak akan mengundang perhatian umum. Tetapi, terma ini membawa konotasi politik, dan pihak berkenaan itu cuba menyebar-luaskan mesej yang berkenaan. Kalau analisa mereka hanya yang bersifat pengisahan dan digunakan sebagai retorik lazim, maka tidaklah mungkin ia dipamerkan sebagai topik besar. Ini adalah kerana ia melayani prejudis pihak tertentu, atau ia mengukuhkan

pandangan mereka yang belum teruji…….Dalam massa media dan urusan awam, ia telah dipolitikkan dan seterusnya dimanfaatkan ahli politik yang membawa agenda tertentu …Terma 'diaspora' terlampau dipermudahkan. Saya sungguh khuatir dengan pihak tertentu yang kerap kali dan dengan sewenang-wenangnya menyebut diaspora Yahudi, diaspora India atau diaspora Cina, seolah-olah dunia ini terdiri daripada beberapa kabilah sahaja. Ini sama sekali tidak benar. Tetapi, pihak yang tidak bertanggungjawab itu boleh mengukir sebuah senario baru petaka kaum kulit kuning (*yellow peril*) menerusi pengisahan sedemikian. Ada yang telah menyelongkar lebih jauh lagi. Mereka mendakwa negara China menjadi pendalang di sebalik tabir dengan menyalur penduduknya untuk membina rangkaian jaringan di merata tempat, bagaikan sotong kurita menunjukkan sesungut dan memasang perangkapnya. (Wang Gungwu, t.t.)

Sebagai konsep baru dalam disiplin sains sosial, wacana diaspora sebenarnya terbatas secara ketat oleh konteks yang mewujudkannya. Ia merujuk kepada konteks sosial yang tertentu, dan seharusnya mempunyai syarat yang setanding untuk dikaji dan dibanding dengan kumpulan etnik diaspora yang lain. Jika teori diaspora sastera *Mahua* itu berasas, apakah ia sama dengan lain-lain sastera diasporik, misalnya sastera diaspora Yahudi mempunyai konteks dan landasan sejarah yang serupa? Umumnya, gagasan sastera diaspora *Mahua* yang dicanang Zhang Jinzhong itu cuma boleh merangkumi sastera *Mahua* di Taiwan, realiti yang terbatas, kerana dia telah gagal mencitrakan imej kesusasteraan *Mahua* secara lengkap dan tuntas. Bagaimana harus kita mengisahkan perubahan identiti golongan Cina perantau (华侨) pada zaman sebelum Perang kepada kedudukan sezaman sebagai etnik Cina (华族), selaras dengan proses perkembangan sejarahnya? Dalam aspek teoritis, bagaimana pula wacana diaspora *Mahua* boleh membezakan diri dengan wacana pasca modernisme yang membanjiri dunia akademik masa kini?

PEMBINAAN JATI DIRI DAN PENJANAAN KAPITAL BUDAYA

Ketiga-tiga gagasan di atas jelas mengisahkan hakikat dan landasan perkembangan kesusasteraan *Mahua* dari tiga sudut yang berbeza. Namun, matlamatnya untuk membina jati diri dan subjektiviti *Mahua* amatlah nyata. Gagasan Yang Songnian dan Wang Runhua menyebatikan kesedaran kecinaan dan kesedaran lokal, manakala gagasan Zhang Jinzhong pula secara amnya adalah lanjutan daripada gagasan diaspora ciri kecinaan (离散中国性). Daripada premis pembangunan nilai jati diri itu, penulis boleh bersetuju dengan pengisahan ketiga-tiga pihak itu yang tidak terlepas daripada konteks terjemahan budaya. Dengan kata lain, ia melibatkan bagaimana nilai kebudayaan asing dipinjam dan dimanfaatkan untuk penjanaan modal budaya untuk pembangunan diri sendiri serta kesannya ke atas konteks sastera sasaran (*target literature*).

Gagasan konflik dan persepaduan itu telah julung-julung kalinya diutarakan Yang Songnian dalam Seminar Antarabangsa Konflik dan Persepaduan

Kebudayaan Asia Tenggara pada 4-5 Januari 1997 di Kolej Kerabat Keturunan Chen, Kuala Lumpur. Makalah beliau berjudul Konflik dan Persepaduan Sastera Daratan Cina Dengan Sastera Cina di Singapura dan Malaya: Satu Kes Sastera Mahua Moden Sebelum Perang Dunia Kedua. (中国文学与新马华文文学的冲突与整合：以战前马华新文学为例) Lebih awal daripada itu, suasana politik antarabangsa adalah kurang stabil akibat pergolakan di Asia Tengah dan Asia Barat. Ketika itu, Amerika Syarikat yang telah bercampur tangan dalam Perang Iran-Iraq itu telah membuat dirinya semakin terbelenggu dan sukar terlepas. Samuel P. Huntington, pakar sains politik di University Harvard, merangkap ahli Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat mengambil kesempatan itu untuk menafirikan gagasan pelanggaran tamadun pada tahun 1993. Dia menjangkakan pelanggaran tamadun akan mengakibatkan tercetusnya sekali lagi perang dunia, biarpun dia tidak dapat mengenal secara pasti tentang faktor lain yang menyumbang kepada pergolakan dan ketegangan politik dunia. Kita faham cubaan Huntington dalam mencari laluan keluar bagi menghalalkan hegemoni Amerika Syarikat di pentas politik antarabangsa.[8] Adalah jelas bahawa gagasan konflik dan persepaduan antara sastera Cina daratan dan sastera Cina di Singapura dan Malaya itu adalah terilham daripada wacana Hungtington. Di sini dapat dilihat betapa besarnya peranan konteks sosial dan sejarah terhadap cetusan sesuatu gagasan baru itu. Namun, adalah lebih menarik perhatian kita ialah dalam tangan Yang Songnian, betapa kajian ruang cakupan konteks sesuatu gagasan itu berkembang dengan begitu baik dari perspektif makro tamadun manusia hingga kepada perspektif mikro sastera serumpun serantau. Ini adalah contoh akulturasi dan bentuk terjemahan ilmu yang baik. Dalam dunia sebaran maklumat yang semakin pantas, tanpa disedari Yang Songnian telah menggerakkan projek terjemahan sedemikian. Gejala sedemikian jarang ditemui dalam jagat sastera *Mahua*. Yang Songnian juga memanfaatkan peraturan saling nyah dan saling melengkapi antara khutub *Yin* dan *Yang* menurut falsafah kebudayaan tradisional Cina, lalu menawarkan laluan keluar bagi suatu konflik hingga melahirkan yang dinamakan sebagai kesempatan, yakni konsep persepaduan yang diutarakan Yang sendiri. Gagasan ini mungkin terlalu dipermudahkan dan ketinggalan zaman dalam konteks hari ini; namun bagi Yang Songnian, ia adalah teras dan prinsip utama dalam usaha pensejarahan sastera *Mahua*.

Secara umum, gagasan Wang Runhua berkenaan tradisi dualisme itu adalah terilham daripada sastera Inggeris negara Komanwel. Sekiranya topik kesedaran lokal Yang Songnian itu hanya membahaskan sebahagian realiti sastera, maka gagasan Wang Runhua dalam konteks masa itu adalah lebih berkesan dalam menangani hakikat kesusasteraan *Mahua.* Topik yang dilontarkan Wang itu bukan sekadar memasukkan faktor kolonialisme ke dalam wacananya, bahkan turut memberi tempat untuk tradisi sastera daratan Cina. Dalam kerangka teori Wang, tradisi sastera daratan Cina dan tradisi lokal itu sama-sama diperuntukkan ruangnya. Tradisi lokal mencakupi budaya dan nilai yang mengalami alienasi

daripada budaya kolonial. Struktur ini sama dengan hubungan antara sastera Great Britain dengan sastera Inggeris di negara Komanwel yang lain. Wang mengakulturasikannya ke dalam sastera *Mahua,* sekali gus menyuntikkan kemantapan dan kerelevanan kepada gagasan tradisi dualisme dan teori pelbagai pusat sasteranya.

Dari segi yang tertentu, gagasan Zhang itu telah berjaya mengisahkan asul-usul dan sejarah kemunculan, perkembangan, perubahan dan hala tuju sastera *Mahua* pada masa akan datang. Dia menggabungkan sastera modenisme *Mahua* sejak tahun 1960-an dengan semangat transnasionalisme di penghujung era kolonialisme serta mengambil model daripada sastera Inggeris negara Komanwel, lalu mengutarakan gagasan yang diberi nama "Sastera Cina Gejala Baru". Perbezaan yang paling ketara antara Zhang dengan Yang dengan Wang itu ialah pengakuan pada semangat lokal dalam gagasan Zhang dan hanya tinggal sebagai sentuhan rasa setempat yang bersifat konseptual dan umum. Diaspora menekankan pergerakan transnasional secara terus-menerus, pengakuan kepada nilai dan semangat lokal itu bukanlah keutamaannya. Berbanding dengan Yang dan Wang yang menjadikan fakta itu sebagai keprihatinan mutlak, jelas sekali gagasan Zhang jauh berbeza. Kalau menempatkan gagasan sastera *Mahua* diaspora dalam kerangka *polysystem*, walaupun wacana Zhang cuba merangkumi sistem sastera *Mahua* yang berlainan aliran (misalnya aliran realisme, modernisme dan sebagainya), namun keprihatinan utamanya barangkali adalah sastera modernisme, khususnya sastera *Mahua* di Taiwan sejak tahun 1990-an. Seperti yang telah dijelaskan Zhang sendiri, "Boleh dikatakan pencapaian golongan penulis ini sudah memadai untuk mewakili kesusasteraan *Mahua* keseluruhannya untuk bersaing dengan sastera Cina di rantau lain (2004: 65). Lantaran itu, tidaklah hairan terdapat kenyataan di Taiwan bahawa "sastera *Mahua* di kalangan penulis-graduat Taiwan itu hampir boleh disamakan dengan konotasi sastera *Mahua* (Chen Dawei 2001: 33). Persepsi Zhang Jinzhong dan Chen Dawei itu jelas memaparkan fahaman dan pegangan mereka terhadap jati diri dan subjektiviti sastera *Mahua*, yakni satu bentuk sastera yang menyamai sastera modenis *Mahua* penulis-graduat Taiwan.

Walaupun gagasan Wang dan Zhang itu sama-sama mendapat inspirasi daripada sastera Inggeris di negara Komanwel, tetapi mengapa berlaku perbezaan yang begitu ketara dalam pengisahan mereka terhadap hakikat sastera *Mahua?* Ada pihak menegaskan tujahan akar lokal, manakala pihak lain menyerahkan nasib kepada wacana diaspora dan pengaliran transnasional. Untuk menjawab persoalan itu perlu dilihat cara pentafsiran kedua-dua mereka terhadap jati diri dan subjektiviti sastera *Mahua.* Zhang tidak menyetujui gagasan pelbagai pusat sastera kerana menurutnya "saiz dan produktiviti setiap *polysystem* sastera Cina adalah tidak sekata, tidak semua menjadi pusat…Daripada pelbagai pusat yang bertaburan (kalau ada pusat tersebut) itu tidak dapat kita kenali hubungan sesamanya. Ada kemungkinannya setiap pusat itu cenderung untuk menganggap dirinya sebagai pusat. Keadaan sedemikian bukan sahaja tidak boleh menjelaskan

hubungan dalaman di dalam sistem sastera, tetapi juga tidak dapat memberi penjelasan tentang hubungan internasional antara pelbagai sistem sastera (Zhang Jinzhong 2004: 65-66). Tetapi, kalau diteliti dengan lebih mendalam lagi, tidaklah sukar dikecam ciri lokal yang ditegaskan Wang dengan kesedaran lokal yang Yang prihatin ke atas penciptaan jenama lokal. Ini mewujudkan dua polar yang bertentangan antara Wang *runhua* dengan wacana sastera diaspora. Namun, persoalan yang lebih penting ialah pergerakan dan pengaliran yang berterusan (termasuk pergerakan dari segi geografi dan bahasa) yang akhirnya telah membawa kepada hasil yang bagaimana? Tanpa identifikasi yang kekal ataupun sebagaimana gagagan (无国籍文学) sastera tanpa nasionaliti yang dicanang oleh Huang Jinshu, mampukah sastera diaspora *Mahua* selamat tiba ke tebing sastera Cina gejala baru di sebelah sana itu masih menjadi persoalan yang menuntut perhatian. Sebaliknya, kalau akhirnya terjebak ke kancah sastera apungan ala kaum gipsi, atau sastera terbuang, atau bahasanya mengalami proses atavisme lalu berubah dari *huawen* kembali ke *zhongwen*, maka tidak mustahil akan berlaku gejala perkembalian kepada pangkuan budaya leluhurnya. Selain itu, sungguhpun sastera diaspora dan sastera Cina gejala baru tidak terlepas daripada asal usul sejarahnya, tetapi dalam menangani persoalan kesinambungan sejarah itu, ia memperlihatkan daya respons yang agak terencat. Walaupun wacana sastera diaspora *Mahua* itu cuba membelakangi gagasan kenegaraan, tetapi ia tetap tidak dapat terlepas daripada sifat setempat kerana tanpa sifat ruang dan etnoskapnya, bentuk sasteranya itu akan menjadi kosong dan bersifat nihilis. Ini adalah dilema dalam pembinaan jati diri sastera *Mahua,* ketegangan antara penerokaan estetika dan jati diri *Mahua.*

Permasalahan selanjutnya ialah setakat mana gagasan Zhang dapat mengisahkan sastera *Mahua* dengan sempurna? Sejauh mana kesan dan pengaruhnya ke atas sastera *Mahua*? Persoalan pertama itu sudah terjawab, tetapi persoalan kedua itu sukar dijawab ketika ini. Walau bagaimanapun, perbahasan yang muncul selaras dengan perkembangan globalisasi itu sudah menampakkan serba sedikit pengaruhnya. Kandungan pemikirannya, misalnya modeniti, pasca modeniti dan fahaman transnasional baru itu telah menunjukkan tanda-tandanya di kalangan orang Cina sebagai suatu modeniti alternatif (Aihwa Ong, Donald M. Nonini ed. 1997). Daripada pengamatan setakat ini, boleh kita akui perbahasan awal. Disebabkan gagasan Zhang itu bersandarkan sastera *Mahua* di Taiwan, maka gangguannya terhadap sastera *Mahua* tempatan adalah jelas. Kesan yang paling nyata ialah penafian terhadap kesedaran sastera *Mahua* yang diwarisi bertahun-tahun serta peranan sastera *Mahua* lokal dalam menelurkan makna dan nilai. Yang lebih ketara ialah penyimpangan kognitif terhadap pemahaman jati diri dan subjektiviti sastera *Mahua*, sekali gus menggugat kesedaran sastera *Mahua* yang dianuti selama ini. Tanpa mengambil kira peranan Fang Xiu atau Yang Songnian, kemunculan sastera *Mahua* sememangnya telah membawa bersamanya genealogi budaya dari kerabat sastera Cina daratan. Namun, peranan kolonialisme itu tidak harus diperlecehkan.

Bermula dari perjuangan anti-imperialisme dan anti-kolonialisme pada zaman sebelum perang sampai ke perjuangan keadilan kelas sosial sesudah Singapura dan Malaya mencapai kemerdekaan, kesemuanya itu tidak boleh berpisah daripada faktor kolonialisme. Ringkasnya, sastera *Mahua* adalah produk seiring dengan sejarah migrasi kaum Cina sejak pertengahan kurun ke sembilan belas. Pembentukan dan penciptaannya serta makna produktiviti kesusasteraannya pada peringkat awal itu terletak pada tanggungjawabnya memelihara citra diri dan misi sezaman. Justru itu, ia tidak dapat lari daripada tanggungjawab sosialnya. Bagaimana sastera Cina gejala baru menangani hakikat tadi secara langsung itu membayangkan kesahihan asas teorinya.

RUMUSAN

Sebagai pasukan sastera Cina yang unggul di rantau Asia Tenggara, sastera *Mahua* memang membawa isi yang menarik perhatian umum. Tidak dinafikan suasana politik yang unik, latar belakang sosial dan budaya serta ingatan sejarahnya itu telah menyumbang kepada asas pendaerahan sastera *Mahua*. Justeru itu, sebarang usaha penyelidikan sastera *Mahua* tidak harus mengenepikan faktor itu. Melihat pembangunan teori yang diusahakan Yang Songnian, Wang Runhua dan Zhang Jinzhong, maka tidaklah sukar diselami prinsip dan pegangan masing-masing serta kesahihan teori mereka.

Tanpa mengambil kira teori sastera diaspora atau sastera Cina gejala baru, memang ia mendatangkan cabaran getir ke atas konsep pensejarahan sastera selama ini. Pada masa yang sama, ia turut mencerminkan sifat agresifnya dalam usaha mencabar institusi yang sedia ada.

NOTA HUJUNG

[1] Perbincangan dalam aspek ini kebanyakannya tertumpu pada polemik antara sastera perantau dan sastera *Mahua* zaman pasca perang (ataupun lebih dikenali sebagai polemik tentang keunikan sastera *Mahua)*. Tidak kurang pula sarjana yang terlibat dalam penafsiran ini, antara lain termasuk Fang Xiu, Yang Songnian, Chen Yingde @ Tang Eng Teik dan Masutani Satoshi.. Namun, mereka rata-rata mengkajinya dari segi perkembangan dalaman tradisi sastera, maka gagal menangani secara jitu permasalahan pokok yang mencetuskan perbahasan tersebut.

[2] Lin Jian.guo (2000) berpendapat Fang Xiu telah menegakkan kesedaran tentang kewujudan konsep kesusasteraan *Mahua.* Pandangan ini adalah dapatan yang amat bermakna. Namun, sehingga kini belum ditemui mana-mana pengkaji lain cuba mengisi dan mengembangkan makna berkenaan.

[3] Kemudian Yang Songnian menangani permasalahan ini dengan melahirkan sebuah monograf berjudul (*Zhanqian Xinma wenxue bendi yishi de xingcheng yu fazhan*) Pembentukan dan Pengembangan Kesedaran Lokal dalam Sastera di Singapura dan Malaya Sebelum Perang (2001). Dia berpandangan yang sama dalam bahagian pendahuluan buku berkenaan.

[4] Kajian teks yang terkumpul dalam buku Zhu Chongke, (*Bentu xing de jiuge: bianyuan fangzhu, "Nanyang" xugou, bentu misi*) Belitan Ciri-Ciri Lokal: Pengasingan Pinggiran, Rekaan "Nanyang" dan Mitos Kesedaran Lokal (2004) tidak menyeluruh, tidak juga semuanya tertumpu pada topik ciri-ciri lokal.

[5] Yang Songnian dalam bukunya (*Xinma huawen xiandai wenxueshi chubian*) Draf Awal Sejarah Kesusasteraan Baru Bahasa Cina di Malaya dan Singapura (2000) tidak sekadar membincangkan liku-liku perubahan kesedaran lokal sastera Mahua, malah memberi penekanan pada terjemahan sastera Melayu tatkala membincangkan perkembangan sastera pasca tahun 1950-an, sungguhpun prinsip yang dipegangnya ialah semangat patriotisme.

[6] Dalam temu bual antara Wang Gungwu dan Laurent Malvezin tentang topik diaspora Cina, hujah Wang yang menyentuh hakikat diaspora kaum Yahudi amat menyakinkan. Lihat Wang Gungwu (t.t.) http://www.asian-affairs.com/Diasporas/wanggungwu.html

[7] Kemudian makalah itu dikumpulkan dalam himpunan esei yang diselenggarakan oleh Jabatan Pengajian Kesusasteraan dan Bahasa Cina, National University of Singapore berjudul (*Hanxue zongheng*) Menyelongkar Ilmu Pengajian Cina (2002a: 155-179). Selain itu, terdapat sebuah lagi makalah Yang berjudul (*Zhongguo wenxue yu Mahua wenxue de chongtu yu zhenghe: Tao Tao, Fei Ming, Zeng Aidi lunjian wei li de shuoming*) Konflik dan Persepaduan Sastera Cina Daratan dan Sastera Mahua: Kes yang Bersandarkan Hujah Tao Tao, Fei Ming dan Zeng Aidi (2002b: 386-394).

[8] Makalah Samuel P. Huntington telah julung-julung kalinya ditemui pada tahun 1993, berjudul "The Clash of Civilizations?" (*Foreign Affairs*, 72 (3): 22-49). Pada tahun 1996, dia melakukan tokok tambah lalu terhasillah buku *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, terbitan Simon and Schuster.

RUJUKAN

Aihwa Ong, Donald M. Nonini, ed. 1997. *Ungrounded Empires: The Cultural Politics of Modern Chinese Transnationalism*. London: Routledge.

Bourdieu, Pierre. 1984. *Distinction: a Social Critique of the Judgement of Taste*.Cambridge (MA): Harvard University Press.

_____. 1986. The Forms of Capital. Dlm John G. Richardson, (ed), *Handbook of Theory and Research for the Sociology of Education*. New York: Greenwood.

Chen Dawei. 2001. *Yueru yinyu de yulin: daodu dangdai Mahua xenxue* (跃入隐喻的雨林：导读当代马华文学) Menyelinap ke dalam Hutan Hujan yang Simbolik: Panduan Menelaah Kesusasteraan Mahua Kontemporari. *Cheng pin haodu yuebao* 诚品好读月报 (Bulletin Buku Terbaik Rangkaian Kedai Buku Cheng Pin), bil.13.

Huntington, Samuel P. 1993. The Clash of Civilizations? *Foreign Affairs*. 72: 3.

_____. 1996. *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*. New York: Simon and Schuster.

Jiang Shuzhen. 2005. *Cong 'haiwai cun zhiji' dao 'haiwai cun yiji': Mahua wenxue yu Taiwan wenxue jianzhihua* (从'海外存知己'到'海外存异己'：马华文学与台湾文学建制化) Dari Rakan Hingga ke Orang Asing: Sastera Mahua dan Penginstitusian Sastera Taiwan. Kertas Kerja Persidangan Budaya Cina 2005, Universiti Chiao Tung Taiwan, 8-9 Januari.

Lin Jian.guo. 2000. *Fang Xiu lun* (方修论) Analisa Teori Sastera Fang Xiu. *Chung Wai Literary*. 29 (4): 65-98.

Rustam A. Sani. 2004. *Ke Mana Nasionalisme Melayu?* Kuala Lumpur: R. Publishing Services.

Wang Gungwu. t.t. Diaspora: A Much Abused Word (*Asian Affairs* Interview with Wang Gungwu), http://www.asian affairs.com/Diasporas/wanggungwu.html

Wang, Ling-chi, and Wang Gungwu, eds. 1998. *Chinese Diaspora: Selected Essays*. Vol. 1. Singapore: Times Academic Press.

Wang Runhua. 1990. *Cong Xinhua wenxue dao shijie huawen wenxue* (从新华文学到世界华文文学) Dari Sastera Xinhua ke Sastera Cina Sedunia. Singapura: Xinjiapo chaozhou ba yi huiguan 新加坡潮州八邑会馆.

_____. 2001a. *Huawen houzhimin wenxue: bentu duoyuan wenhua de sikao* (华后殖民文学本土多元文化思考) Sastera Cina Pasca Kolonial: Renungan Tantang Kepelbagaian Budaya Lokal. Taipei: Wenshizhe 文史哲.

_____. 2001b. *Huawen houzhimin wenxue: Zhongguo, Dongnanya de ge.an yanjiu* (华文后殖民文学：中国、东南亚的个案研究) Sastera Cina Pasca Kolonial: Kes China dan Asia Tenggara. Shanghai: Xuelin chubanshe.

Yang Songnian. 2000. *Xinma huawen xiandai wenxue shi chubian* (新马华文现代文学史初编) Draf Awal Sejarah Kesusasteraan Moden Berbahasa Cina di Singapura dan Malaya. Singapura: BPL (Xinjiapo) jiaoyu chubanshe 新加坡教育出版社.

_____. 2001. *Zhanqian Xinma wenxue bendi yishi de xingcheng yu fazhan* (战前新马文学本地意识的形成与发展) Pembentukan dan Pengembangan Kesedaran Lokal dalam Sastera di Singapura dan Malaya Sebelum Perang. Singapura: Department of Chinese Studies, National University of Singapore; Global Publishing.

_____.2002a. *Zhanqian Zhongguo wenxue yu Mahua wenxue de chongtu yu zhenghe* (战前中国文学与马华文学的冲突与整合) Konflik dan Persepaduan Sastera Cina Daratan dan Sastera Mahua Sebelum Perang. Department of Chinese Studies, National University of Singapore, ed. (*Hanxue zongheng* 汉学纵横) Menyelongkar Ilmu Pengajian Cina. Hong Kong: Shangwu 商务.

_____.2002b. *Zhongguo wenxue yu Mahua wenxue de chongtu yu zhenghe: Tao Tao, Fei Ming, Zeng Aidi lunjian wei li de shuoming* (中国文学与马华文学的冲突与整合：滔滔、废名、曾艾狄论见为例的说明) Konflik dan Persepaduan Sastera Cina Daratan dan Sastera Mahua: Kes yang Bersandarkan Hujah Tao Tao, Fei Ming dan Zeng Aidi, Disi jie Dongnanya huawen wenxue yantaohui bianxuanzu bian, *Xinhua wenxue licheng ji zou xiang shijie* (第四届东南亚华文文学研讨会编选组编，新华文学历程及走向世界) Perjalanan Sastera Cina Singapura dan Hala Ke Jagat Sastera Antarabangsa. Xiamen: Xiamen daxue chubanshe 厦门大学出版社.

Zhang Jinzhong. 2003. *Nanyang lunshu: Mahua wenxue yu wenhua shuxing* (南洋论述：马华文学与文化属性) Studying Southeast Asian Chinese: Essays on Chinese Malaysian Literature and Cultural Identity. Taipei: Maitian.

_____. 2004. *Chong xie Mahua wenxue shi lunwen ji* (重写马华文学史论文集) Rewriting Mahua Literay History. Puli: Centre for South East Asian Studies, National Chi Nan University.

Zhu Chongke. 2004a. *Bentu xing de jiuge: bianyuan fangzhu, "Nanyang" xugou, bentu misi* (本土性的纠葛：边缘放逐，"南洋"虚构，本土迷思) Entanglement of Nativeness, Self Exile, "Nanyang" Fiction and Myths of Nativeness. Taipei: Tangshan chubanshe.

_____. 2004b. *Ruhe 'Shihua', zenyang 'Bentu'?: Fansi quyu Huawen wenxue yanjiu de juxian yu jinlu.* (如何'世华''怎样'本土'？：反思区域华文文学研究的局限与进路). Bagaimana memasuki kerabat 'Sastera Cina Sedunia', bagaimana pula mengekalkan 'lokaliti'?. Dlm. Nanyang Siang Pau, Nanyang Literary, 10 & 13 Julai.

Zhuang Huaxing. 2004a. *Wenxue shi yu fanyi Mahua: zhengzhi xing yu dingwei wenti* (文学史与翻译马华：政治性与定位问题) Sejarah Sastera dan Penterjemahan Mahua: Sifat Politik dan Permasalahan Kedudukannya. Dlm. Zhang Jinzhong, ed. 2004: 69-89.

_____. 2004b. *Xushu guojia yuyan: Mahua wenxue yu Malai wenxue de xiehang yu dingwei* (叙述国家寓言：马华文学与马来文学的颉颃与定位) Naratif Tentang Alegori Nasional: Konflik dan Posisi Antara Kesusasteraan Mahua dan Kesusasteraan Melayu. Dlm. Chen Dawei, Zhong Yiwen, Hu Jinlun eds. 陈大为、钟怡雯、胡金伦编 (*Chidao huisheng: Mahua wenxue duben er* 赤道回声：马华文学读本二) Gema Khatulistiwa: Teks Kesusasteraan Mahua, Jilid II. Taipei: Wanjuanlou 万卷楼: 75-93.

(Sumber asal: Makalah ini adalah dalam bahasa Cina dengan judul Miaoshu, xiangxiang yu fanyi zhutixing: Mahua wenxue lilun piping anli (描述、想象与翻译主体性：马华文学理论批评案例) dan telah diterbitkan dalam *Journal of Chung Wai Literay*, Taiwan, 30: 10, (Mac 2006): 43-60).

Penulis dan Penterjemah: Chong Fah Hing, Ph D
Jabatan Bahasa Asing
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor

Emel: cfhing@fbmk.upm.edu.my